

28/06/2000

Penculik diminta bebas baki tebusan

PENGERUSI sesi ke-27 Persidangan Menteri Luar Negara-negara Islam (ICFM), Youssouf Ouedraogo, hari ini merayu kepada kumpulan penculik di Selatan Filipina supaya membebaskan baki 20 tebusan secepat mungkin.

"Kami rasa mereka mesti dibebaskan kerana pada pendapat kami ia perbuatan yang tidak baik," kata Ouedraogo selepas berucap pada pembukaan ICFM di sini yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ouedraogo yang juga Menteri Luar Burkina Faso berkata, perbuatan menculik 21 orang pada 23 April lalu dari Pulau Sipadan, Sabah bukan caranya bagi kumpulan bersenjata itu untuk mencapai matlamat perjuangannya.

Masyarakat antarabangsa akan menghargai langkah kumpulan bersenjata itu membebaskan tebusan secepat mungkin, kata Ouedraogo yang persidangan kali ini adalah yang terakhir bagi beliau sebagai pengerusi ICFM.

"Jikapun, mereka mengharapkan apa-apa bentuk ganjaran, politik atau lain, ini perbuatan yang sukar diterima. Kami rasa penyelesaian terbaik ialah membebaskan semua orang yang ditahan itu," katanya.

Salah seorang daripada mangsa culik itu, Zulkarnain Hashim, 29, dibebaskan pada Khamis lalu.

Ouedraogo juga menyeru negara anggota OIC untuk menandatangani dan meratifikasi Perjanjian Antarabangsa OIC Menentang Keganasan yang diterima di sesi ke-26 ICFM tahun lalu di Ouagadougou, ibu negara Burkina Faso.

Beliau berkata, hanya Mesir dan Arab Saudi yang menandatangani perjanjian itu sementara banyak lagi negara dijangka berbuat demikian pada persidangan di sini.

Sementara itu, Gabenor Wilayah Autonomi Mindanao, Nur Misuari, yakin isu 20 tebusan yang masih ditahan kumpulan Abu Sayyaf di Jolo, selatan Filipina dapat diselesaikan tanpa pertumpahan darah.

Katanya, kumpulan yang menahan tebusan berkenaan termasuk lapan lagi rakyat Malaysia, sebelum ini tidak pernah membunuh mana-mana tahanan.

Malah, katanya, berdasarkan maklumat yang diterimanya, semakin ramai anggota dan pemimpin kumpulan berkenaan berpendapat mereka tidak perlu lagi menahan tebusan.

"Tetapi anda perlu faham, ada 1,500 anggota kumpulan ini sekarang. Di kalangan majoriti ini juga muncul dua pihak, satu mahukan penyelesaian dengan wang, satu lagi penyelesaian politik.

"Tidak mudah bagi kerajaan selesaikan isu ini dengan cepat. Perlu skim yang betul untuk selesaikannya dan kena faham apa yang mereka kehendaki. Kerajaan perlu berhati-hati," katanya yang ditemui pada sesi ke-27 Persidangan Menteri Luar Negara-negara Islam (ICFM) di sini, hari ini.

Beliau berkata, Persidangan Pertubuhan Negara Islam (OIC) boleh memainkan peranan dalam isu tebusan Abu Sayyaf tetapi malangnya ada pihak di negara itu yang tidak suka campur tangan luar.

(END)